

Jalan ditutup lebih dua jam

SELAYANG – Hujan lebat selama dua jam kelmarin mengakibatkan laluan Bukit Idaman menghala ke Rawang dilanda banjir kilat dan jalan ditutup lebih dua jam kepada kenderaan.

Khidmat bomba dan traktor turut digunakan untuk membuka laluan air bagi membantu melancarkan lalu lintas.

Penyelaras Parlimen Selayang, Jessie Ooi yang kebetulan menggunakan laluan itu berkata, air yang naik setinggi 0.3 meter menyebabkan kesesakan teruk

apabila kenderaan terpaksa membuat pusingan U dan menggunakan laluan lain selepas jalan tersebut ditutup.

Menurutnya, Bukit Idaman mengalami banjir kilat lebih tiga kali dalam tahun ini dan ia dipercayai berpunca daripada masalah perparitan dan air bukit berhampiran.

Katanya, keadaan itu menyebabkan longkang sedia ada gagal menampung kuantiti air yang banyak pada satu masa.

"Saya minta supaya Jabatan

Kerja Raya (JKR) mahupun Majlis Perbandaran Selayang (MPS) pantau permasalahan ini yang kerap berulang apabila berlakunya hujan lebat.

"Sekiranya disebabkan faktor perparitan tersumbat, kerja pembersihan perlu dilakukan dan jika disebabkan longkang kecil, sebaiknya peruntukan untuk membesarkannya perlu disediakan jika perlu," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Selain banjir kilat di Bukit Idaman, hujan lebat hampir dua jam bermula jam 3 petang semalam turut mengakibatkan jalan di hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Selayang dinaiki air.

Keadaan itu juga menyebabkan berlakunya kesesakan lalu lintas dan menyukarkan ibu bapa serta pemandu bas untuk mengambil pelajar.

Sehingga jam 6 petang kelmarin, air masih belum surut dan melambatkan lagi perjalanan lalu lintas kenderaan.

Permasalahan itu kerap berlaku terutamanya jika hujan lebat berterusan melebihi dua jam ekoran masalah perparitan.

Hujan lebat kelmarin juga menyebabkan kesesakan lalu lintas dari Selayang menuju ke Rawang bermula jam 5 hingga 9 malam.



Banjir kilat akibat kesesakan lalu lintas di hadapan SMK Sri Selayang, kelmarin.